

DR. M: SUDAH TIBA EROPAH PANDANG

U.M. 15 OCT 1992

Daripada
Khalid Mohd.

HONG KONG
14 Okt. — **Ma-**
sanya mungkin su-
dah tiba bagi Ero-
pah pula memand-
ang ke Timur un-
tuk mencari bim-
bingan, tunjuk ajar
serta sesuatu yang
boleh dijadikan
ikutan bagi men-
gubati 'penyakit-
penyakit' sosial
ekonomi yang se-
dang dihidapinya,
kata Dato' Sri Dr.
Mahathir Moha-
mad.

Perdana Menteri menegaskan, kemaraan negara-negara Asia Timur kini sudah tidak boleh disekat lagi dan jalan keluar yang tinggal hanyalah dengan mewujudkan persaingan dan kerjasama yang adil di antara Eropah dengan Asia Timur dalam menghadapi masa depan yang kian berubah.

Amerika Syarikat pula, katanya, hendaklah sedar bahawa pergantungan Asia Timur pada pasarannya semakin merosot.

Menurut Dr. Mahathir, hari ini Jepun menjual lebih banyak kepada Asia Timur daripada kepada Amerika Syarikat walaupun Asia Timur tanpa Jepun cuma merupakan 19 peratus sahaja daripada saiz ekonomi Amerika.

Pada tahun 1985, Amerika Syarikat membeli satu per tiga daripada keluaran ekonomi Asia Timur. Tahun lalu ia membeli satu per lima sahaja.

Perdana Menteri menggambarakan masa depan Asia Timur yang meyakinkan ini dalam dua ucapan berasingan di sini hari ini. Mula-mula beliau berucap kepada Kelab Wartawan Asia Hong Kong dan kemudian kepada Forum Ekonomi Eropah dan Asia Timur. Kedua-dua ucapan beliau tertumpu kepada Asia Timur sebagai 'rantau masa depan'.

Oleh kerana kemaraan rantau ini sudah merupakan satu hakikat, kata Dr. Mahathir, perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) yang ditentang oleh Amerika Syarikat mahu tidak mahu akan lahir juga, dalam bentuk apa sekalipun.

LIHAT MUKA 2

**MASANYA
KE TIMUR**

DR. M: SUDAH TIBA MASANYA EROPAH PANDANG KE TIMUR

UM 15 OCT 1992

"Asia Timur akan menjadi sebagai salah satu daripada tiga kumpulan serantau yang utama dan akan mempengaruhi perdagangan dunia, biar macam manapun ditentang oleh Amerika," ujarnya.

Perdana Menteri yakin walaupun tanpa perjanjian atau aturan rasmi atau komuniti ekonomi seperti yang wujud di Eropah, Asia Timur, pada kadar ia sedang bergerak sekarang, masih dapat mengecap kemakmuran dengan melakukan apa yang perlu dilakukan mengikut kehendak pasaran.

"Terdapat suatu masa dulu di mana orang-orang Asia memandang ke Barat bagi mendapatkan bimbingan, tunjuk ajar dan contoh yang boleh diikuti.

Mungkin masanya sudah tiba bagi Eropah pula memandang ke Timur bagi tujuan yang sama. Forum Ekonomi Eropah Asia Timur ini mungkin dapat memenuhi tujuan ini," kata beliau.

Tegas Perdana Menteri, Malaysia dan negara-negara di rantau ini berani dan mampu bersaing tanpa perlu mengamalkan dasar perlindungan perdagangan, walaupun Ero-

pa dan Amerika Syarikat mengamalkan dasar ini.

Dagangan di kalangan negara-negara Asia Timur sendiri telah berkembang pesat dan ini dicapai tanpa mengamalkan dasar perlindungan meskipun berbagai-bagai rintangan dikenakan ke atas mereka.

Sambil membidas Amerika Syarikat kerana tentangnya ke atas penubuhan EAEC, Dr. Mahathir berkata, sikap tersebut mungkin kerana negara itu takut kepada kekuasaan Jepun dengan kekuatan ekonomi negara-negara Asia Timur di belakangnya.

"Mungkin juga ini kerana dasar menyekat mereka yang ada kemungkinan menjadi musuhnya masih menjadi asas pegangan Amerika Syarikat. Adalah satu perkara yang malang jika andaian ini benar," ujarnya.

Dalam hubungan ini, Dr. Mahathir menegaskan bahawa China, Korea dan negara-negara ASEAN sendiri tidak akan membiarkan Jepun mengambil peranan yang ditakuti oleh Amerika itu.

"Tidak ada kuasa dominan dalam EAEC. Lagi pun EAEC

bukannya akan dijadikan satu kumpulan yang formal," katanya.

Jepun, tegas Perdana Menteri, akan tetap kuat sama ada EAEC wujud atau tidak.

Pengaruh Jepun, tambah beliau, akan dibimbangi oleh China dan Korea, dua negara yang lebih bimbang dengan Jepun daripada Amerika.

"Dengan membenarkan EAEC mempercepatkan pembangunan China dan Korea, ancaman Jepun itu akan dapat dikurangkan," kata beliau.

Menurut Dr. Mahathir, tentangan Amerika Syarikat terhadap EAEC besar kemungkinan akan mencetuskan kemarahan rakan-rakan Amerika sendiri di Asia Timur dan cakap-cakap tentang niat buruk Amerika mula kedengaran di rantau ini.

"Kemarahan ini sebenarnya tidak perlu wujud. EAEC sudah tidak dapat dielakkan lagi dalam bentuk apa sekalipun.

"Sudah menjadi hakikat bahawa Asia Timur adalah suatu rantau ekonomi," ujarnya.

Tegas Perdana Menteri, jika EAEC dapat dibentuk, ia bukan sahaja akan dapat mengemukakan perdagangan bebas

tetapi juga pembangunan ekonomi negara-negara Asia Timur yang belum maju.

Beliau percaya ia juga akan melahirkan satu kawasan kemakmuran dari timur laut Asia hinggalah ke Asia Tenggara.

"Ia akan mewujudkan pasaran yang mengandungi 1.8 ribu juta penduduk untuk dunia d'i luar kawasan itu," ujarnya.

Bagaimanapun, kata Dr. Mahathir, tentulah ia tidak akan menjadi pasaran yang baik bagi Amerika Syarikat, mungkin sebaik Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA).

Namun begitu, ujar beliau, kuasa membeli 1.8 ribu juta orang masih besar juga walaupun pendapatan per kapita mereka hanyalah satu per empat daripada penduduk Eropah dan anggota-anggota NAFTA (Amerika, Canada dan Mexico).

Malaysia, kata Perdana Menteri, ingin menjadi negara maju pada suatu hari nanti dan merasa amat kecewa apabila rintangan dan halangan yang tidak perlu diletakkan bagi menyekatnya.

Apa yang Malaysia mahu tambah beliau, hanyalah perdagangan bebas dan bersaing an yang adil.

Beliau menegaskan, persaingan yang adil serta kerjasama di antara Eropah dengan Asia Timur akan menyumbang dalam membuat semua orang makmur.

"Kejayaan negara-negara Asia Timur bukanlah hasil permainan silap mata. Apa yang telah dilakukan oleh Jepun, negara-negara lain di Asia Timur juga dapat lakukan, walaupun mungkin tidak sama hebat. Negara-negara di Eropah juga dapat melakukannya," kata beliau.

Perdana Menteri berkata, negara-negara Eropah sendiri yang perlu merenung kembali kebijaksanaan cara mereka dan menerima realiti hidup hari ini, bamlah Eropah dan Asia Timur dapat bekerjasama untuk faedah bersama.

"Tetapi biar apa juga keadaannya, Asia Timur tidak boleh disekat lagi. Ia berhak memajukan dirinya," kata Dr. Mahathir.